UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MALAM RAYA JAGUAR








Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Bulan Syawal merupakan hari bagi Umat Islam meraikan kemenangan setelah sebulan berpuasa di bulan Ramadan. Justeru itu, Kelab Taekwondo WT berhasrat untuk menganjurkan program Malam Raya Jaguar Bersama Kelab Taekwondo WT.

Program ini amat bermakna bagi semua ahli kelab kerana dapat mengeratkan silatulrahim di antara satu sama lain dan memeriahkan lagi sambutan. Melalui pelaksaan program tersebut dapat memberi ruang kepada semua Ahli Kelab Taekwondo WT berkongsi kegembiraan bersama.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MATCH AND GREET COMMANDER'S














## SINOPSIS PROGRAM

Program *Match and Greet Commander's* merupakan jamuan makan yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Komander 24/25. Program ini bertempat di Ruang Legar, Rumah Universiti UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang pada 18 Mei 2024. Jumlah komander yang terlibat ialah 138 orang dan Ahli Jawatankuasa seramai 31 orang.

Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan sillaturrahim antara komander dan memupuk semangat kerjasama dalam satu pasukan.

Objektif program ini telah tercapai kerana mampu mengumpulkan kembali semua komander dari berlainan Kor untuk sama-sama melancarkan program ini.

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MATH OLYMPIAD
# *LEFT-BRAIN BOOSTER*









**PROGRAM *MATH OLYMPIAD: LEFT-BRAIN BOOSTER* YANG DIANJURKAN OLEH KELAB *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION* (DIQMA) INI DIADAKAN PADA 15 MEI 2024 (RABU) DI SEKOLAH MENENGAH SAINS PASIR PUTEH, PASIR PUTEH KELANTAN. MAJLIS INI BERTUJUAN UNTUK MEMBERI PENDEDAHAN KEPADA PELAJAR TENTANG KEPENTINGAN SERTA KELEBIHAN MENDALAMI ILMU MATEMATIK DAN MENINGKATKAN MOTIVASI PELAJAR DALAM MEMPELAJARI SUBJEK MATEMATIK.**






BULETIN

**KELAB *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION***

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MAHASISWA BANGKIT 5.0: *OUR MIND MATTERS*









Pada 13 Mei 2024, Kelab Pembimbing Efektif Rakan Sebaya (PEERS) dan Unit Kerjaya & Kaunseling (UKK) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Machang, *Malaysians Against Pornography* (MAP) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah menganjurkan Program Mahasiswa Bangkit 5.0: *Our Mind Matters*. Program ini berlangsung di Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang. Objektif utama program ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang penjagaan kesihatan mental, diri serta emosi mahasiswa yang memainkan peranan penting lebih-lebih lagi sebagai seorang pelajar. Pihak penganjur berjaya mencapai sasaran peserta iaitu seramai 250 orang mahasiswa dari UiTM Cawangan Kelantan telah menyertai program yang berimpak tinggi ini.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# NAVIGATING YOUR ACCOUNTING JOURNEY WITH FACULTY OF ACCOUNTANCY, UITM CAWANGAN KELANTAN








Program Navigating Your Accounting Journey with Faculty of Accountancy, UiTMCK ini merupakan salah satu program yang dianjurkan atas inisiatif pihak pengurusan tertinggi FP UiTMCK dengan kerjasama Members of Bachelor in Accountancy Society (MemBACCs), MARA University of Technology Accountancy Society (MUTAC) dan Unit Kerjaya dan Kaunseling Uitmck pada semester Mac 2024 – Ogos 2024. Program ini diadakan secara bersemuka yang berlangsung pada 19 April 2024 hingga 20 April 2024 di AUD 300, UiTM Cawangan Kelantan. Program ini melibatkan 18 ahli jawatankuasa MemBACCs, 4 ahli jawatankuasa MUTAC, seorang sukarelawan, 7 pensyarah dan 39 mahasiswa. Seterusnya, program pada sesi petang 19 April 2024 dimulakan dengan sesi ice breaking dan seterusnya slot 1 bersama Cik Siti Nor Adawiah yang memberi ceramah tentang pengurusan masa. Seterusnya, program diteruskan lagi dengan aktiviti Accounting Explorace. Program pada sesi malam dimulakan dengan slot kedua iaitu Taklimat Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perakaunan, Dr. Nik Zam Nik Wan dan diteruskan lagi dengan slot ketiga bersama Puan Zainab 'Izzah yang memberi ceramah yang bertajuk " Exploring the Depths of Emotion". Program pada hari kedua 20 April 2024 dimulakan dengan sesi soal jawab bersama MemBACCs dan diteruskan lagi dengan slot keempat iaitu Taklimat Koordinator Program AC220, Dr. Wan Noor Asmuni Wan Fauzi. Seterusnya, slot yang kelima Taklimat penasihat Akademik bersama penasihat, Puan Syuhaila Razak dan slot yang keenam bersama Puan Rabaatul Azira yang memberi ceramah yang bertajuk " Look Good for the Profession". Seterusnya, program diteruskan lagi dengan tayangan video montaj dan slot terakhir iaitu Amanat Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perakaunan, Dr. Nik Zam Nik Wan. Seterusnya, majlis ditutuo dengan penyampaian hadiah dan sesi bergambar. Akhir sekali, program ini telah berjalan dengan lancar dan mendaoat sambutanyang baik dikalangan Mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan.







MEMBERS OF BACHELOR IN ACCOUNTANCY SOCIETY

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# TALK SESSION: SURVIVAL SKILLS








Program ini telah dijalankan pada 30 Mac 2024 (Sabtu) secara atas talian (*Webex*). Program yang dianjurkan ini melibatkan seramai 200 orang dan ianya terbuka kepada semua mahasiswa sama ada ahli kelab mahupun bukan ahli kelab Outdoor Recreation Club (ORC). Program ini khusus memberikan pendedahan kepada mahasiswa untuk lebih aktif melibatkan diri dalam suasana interaktif yang bagus seperti mengendalikan program. Mahasiswa juga dapat memperolehi pengetahuan tentang asas-asas *survival skills* sekali gus memupuk nilai-nilai murni dalam diri mahasiswa seperti sifat bekerjasama dan bertanggungjawab. Selain itu, mahasiswa juga dapat memperkembangkan minat mereka terhadap alam semula jadi ke arah yang lebih tinggi.






BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PENCARIAN SEKRETARIAT
## JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN HUSSEIN ONN












Program Pencarian Sekretariat Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Hussein Onn ini telah diadakan pada 16 hingga 17 April 2024 yang bertempat di Bilik Gerakan JOBN. Program ini telah dilaksanakan oleh 16 ahli jawatankuasa kolej yang terdiri daripada Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Hussein Onn sendiri serta turut disertai oleh 25 orang calon sekretariat.

Tujuan program ini dilakukan adalah untuk memberi peluang kepada semua mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan dalam menimba ilmu tentang kepimpinan dan kemahiran berkomunikasi. Selain itu, manfaat yang bakal diperoleh adalah mereka akan berpeluang untuk mendapat pengalaman bekerja dalam sesebuah organisasi di samping membuka peluang kepada mahasiswa untuk mengetahui cara bekerjasama dengan baik dalam sesebuah pasukan.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM FESTIVAL KESIHATAN








**PROGRAM FESTIVAL KESIHATAN INI MERUPAKAN PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH KELAB PROGRAM SISWA SIHAT (PROSIS) YANG BERLANGSUNG PADA 20 DAN 21 MEI 2024 (ISNIN DAN SELASA) PADA PUKUL 9 PAGI HINGGA 3 PETANG BERTEMPAT DI PUSAT PELAJAR DAN FOYER BLOK D UiTM CAWANGAN KELANTAN. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN KESEDARAN KESIHATAN DI SETIAP PERINGKAT UMUR BAGI WARGA UiTM CAWANGAN KELANTAN SERTA MENDORONG MEREKA UNTUK MENGAMALKAN GAYA HIDUP SIHAT MELALUI PEMERIKSAAN KESIHATAN YANG DIJALANKAN.**





BULETIN

**KELAB PROGRAM SISWA SIHAT (PROSIS)**

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KUIZ IHYA' RAMADAN 1445H










**PROGRAM KUIZ IHYA' RAMADAN 1445H**

29 MAC 2024
ANJURAN : PERSATUAN INFORMATION TECHNOLOGY COMMUNITY (ITCOMM)

Program ini diadakan secara atas talian di kediaman masing-masing pada 29 mac 2024.Seramai 40 orang yang telah menyertai program kuiz tersebut.Tujuan program ini dijalankan adalah untuk untuk menguji tahap kefahaman para peserta mengenai bulan
Ramadan serta mendedahkan ilmu baru kepada mereka.







BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MALAM RIANG RAYA THO








PROGRAM MALAM RIANG RAYA THO ANJURAN JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN HUSSEIN ONN INI TELAH DIADAKAN PADA 4 MEI 2024. BERTEMPAT DI DEWAN PROFESIONAL, UITM CAWANGAN KELANTAN. PROGRAM INI TELAH DISERTAI SERAMAI 250 ORANG PESERTA TERMASUK AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA.

OBJEKTIF UTAMA PROGRAM ADALAH UNTUK MENGIMARAHKAN SUASANA HARI RAYA AIDILFITRI DI KAMPUS. SELAIN ITU, PROGRAM INI JUGA DAPAT MENGERATKAN SILATURAHIM ANTARA STAF RESIDEN KOLEJ, JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ DAN PENGHUNI. SETERUSNYA, PROGRAM INI TURUT MEMBENTUK JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN HUSSEIN ONN YANG RAMAH DAN MENITIKBERATKAN HAL-HAL BERKAITAN PENGHUNI. AKHIR SEKALI, MANFAAT YANG BAKAL DIPEROLEH ADALAH DALAM MEMUPUK MINAT PENGHUNI TERHADAP AKTIVITI-AKTIVITI PERSEMBAHAN BERTEMAKAN HARI RAYA.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SCHOOL ATTACK: STRIVING ACADEMIC SUCCESS WITH FACULTY OF ACCOUNTANCY









Program *School Attack: Striving Academic Success with Faculty of Accountancy* ini merupakan satu program perkongsian ilmu anjuran Fakulti Perakaunan dengan kerjasama Members of Bachelor in Accountancy Society (MemBACCs), Sekolah Menengah Kebangsaan Hamzah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Jajahan Machang. Program ini diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Hamzah pada 23 Mei 2024. Program ini dianjurkan bagi mewujudkan platform berkongsi ilmu dan pengalaman di antara Fakulti Perakaunan dengan para pelajar di SMK Hamzah. Selain itu, program ini melibatkan 3 orang pensyarah dan 19 orang ahli jawatankuasa MemBACCs dan disertai 66 orang pelajar. Seterusnya, program ini dimulakan dengan sesi *ice breaking* daripada ahli jawatankuasa MemBACCs dan diteruskan dengan sesi pengenalan Fakulti Perakaunan oleh Dr. Nik Zam Nik Wan. Ceramah Perlindungan dan Pencegahan Salah Laku Remaja Masa Kini pula disampaikan oleh Encik Muhammad Zuliandi Ilias. Kemudian, sesi Perasmian Majlis Penutup dimulakan dengan ucapan aluan daripada Ketua Pusat Pengajian iaitu Dr. Nik Zam Nik Wan dan ucapan perasmian daripada Pengetua SMK Hamzah iaitu Pn. Hajah Norma Hassan. Seterusnya, gimik perasmian, penyampaian cenderamata dan penyampaian hadiah kepada pelajar. Akhir sekali, program ini telah berjalan lancar dan mendapat sambutan baik dikalangan pelajar SMK Hamzah.






Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SIMPOSIUM SENI FOTOGRAFI














Pada 18 Mei 2024, UiTM Click Club (U'CliCb) telah mengadakan suatu program iaitu program Simposium Seni Fotografi yang bertempat di kawasan-kawasan tradisional sekitar Kota Bharu, Kelantan.

Terdapat pelbagai tempat menarik yang dijelajahi seperti Kampung Kraftangan, Muzium Negeri Kelantan, Rumah Tiang 12 dan lain-lain lagi.

Program ini dapat memberi pendedahan, peluang dan ruang kepada ahli kelab untuk menjalankan program luar daripada kampus pengajian dan juga mendedahkan mereka kepada program industri kreatif.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# TAKAFUL TALK WITH SAFT ADVISORY PRUBSN




**POSTER PROGRAM**

Persatuan D'Banquers Cawangan Kelantan berhasrat untuk menganjurkan program dengan koloborasi SAFt yang berbentuk akademik dan ilmiah. Fokus utama program adalah membantu dan memberikan pencerahan serta pendedahan kepada pelajar Diploma Perbankan di UiTM Cawangan Kelantan untuk memahami prinsip-prinsip asas takaful, produk-produk yang akan ditawarkan dan peluang pekerjaan dalam industri takaful. Program ini terbuka kepada seluruh Pelajar Diploma Pengajian Perbankan.



**VVIP: ENCIK MUHAMMAD AMIRUL MUKMININ SUHAIMI**




**GAMBAR AJK**



**PERASMI: ENCIK PUTRA FAIZZURAHMAN ZAHID**



**GAMBAR PROGRAM**

BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# THROUGH THE CHALLENGES








**Program Through The Challenges telah berlangsung pada 18 Mei 2024 di Gelanggang Sepak Takraw, UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang. Seramai 71 peserta termasuk ajk pelaksana yang telah menyertai program ini. Program Through The Challenges diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara mahasiswa dan ahli persatuan silat cekak serta meningkatkan semangat dalam diri setiap mahasiswa agar tidak mudah berputus asa dalam menghadapi apa jua rintangan dan cabaran dalam kehidupan seharian.**





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# TRAIN THE TRAINERS 2024








Train The Trainers adalah program yang dianjurkan bersama pihak Chumbaka Sdn. Bhd, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Yayasan Sime Darby. Program ini merupakan sebuah bengkel bagi memberi persediaan kepada pelajar untuk menjadi mentor kepada murid-murid sekolah dan juga sebagai persediaan awal kepada guru sekolah untuk mempersiapkan pasukan-pasukan dari sekolah mereka untuk menghadapi Pertandingan Young Innovation Challenge (YIC) Peringkat Negeri Kelantan yang akan berlangsung pada September 2024. Objektif utama YIC adalah bagi menyediakan satu platform untuk pelajar sekolah menengah mempamerkan prototaip kreativiti mereka dalam menyelesaikan masalah menggunakan teknologi terkini.





AKADEMIK/ILMIAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM WELLNESS THROUGH FOOD








PROGRAM 'WELLNESS THROUGH FOOD' INI MERUPAKAN PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH KELAB PROSIS YANG BERLANGSUNG PADA 16 MEI 2024 (KHAMIS) PADA 8:30 MALAM HINGGA 10:30 MALAM BERTEMPAT DI PLATFORM GOOGLE MEET DAN FACEBOOK. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN KESEDARAN PELAJAR DALAM MENJAGA PEMAKANAN DAN MELAHIRKAN PELAJAR YANG MEMENTINGKAN AMALAN PEMAKANAN YANG SIHAT.






BULETIN

KELAB PROGRAM SISWA SIHAT (PROSIS)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# UNLOCKING EFFECTIVE COMMUNICATION: STRATEGIES TO NAVIGATE THE DIGITAL REALM AND THE WORKPLACE










Program Unlocking Effective Communication: Strategies To Navigate The Digital Realm and The Workplace anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Hussein Onn bersama kelab Debat dan Pidato serta Universitas Indonesia telah diadakan pada 22 Jun 2024 yang disertai oleh 663 orang peserta. Program ini dilaksanakan untuk mengembangkan keterampilan interpersonal dan kemahiran komunikasi yang efektif . Bukan itu sahaja, mahasiswa juga dapat menemukan potensi diri dan meningkatkan kepercayaan diri melalui sesi pembangunan diri.







BULETIN

JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN HUSSEIN ONN BERSAMA KELAB DEBAT DAN PIDATO SERTA UNIVERSITAS INDONESIA

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ZIARAH KASIH




Program Ziarah Kasih ITCOMM ialah lawatan ke rumah anak yatim yang akan dilasanakan oleh Persatuan Information Technology Community (ITCOMM). Program ini bertujuan untuk menyediakan pengalaman yang bermakna dan bermanfaat bukan hanya kepada ahli ITCOMM, tetapi juga kepada kanak-kanak yang tinggal di Rumah Anak Yatim Salimah. Di samping itu, ITCOMM juga akan berkongsi tentang teknologi dan robotik kepada anak-anak yatim disana. Infaq yang terkumpul semasa bulan Ramadhan dan juga sumbangan pakaian terpakai akan kami salurkan kepada rumah anak yatim inisemasa program ini dijalankan. Melalui program ini, kami berharap agar sumbangan yang diberikan dapat meringankan beban anak-anak yatim di sana.









BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# UNITING HEARTS,CREATING MEMORIES








## SINOPSIS PROGRAM

*Uniting Hearts, Creating Memories* merupakan program yang telah dianjurkan oleh High Achievers' Club (HAC) UiTM Cawangan Kelantan. Obejktif utama program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada sekretariat bagi merapatkan hubungan sesama mereka serta Ahli Jawatankuasa High Achievers' Club sesi 23/24.

Program ini juga telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 40 orang peserta. Program ini berlangsung dari pukul 8:00 pagi hingga 10:30 malam.

Aktiviti pagi dimulai dengan aktiviti senamrobik diketuai oleh AJK senamrobik. Tujuan aktiviti ini dilakukan supaya para peserta tidak cedera semasa melakukan sebarang aktiviti. Sejurus itu, sesi LDK berlangsung sehingga jam 12:00 tengah hari. Kemudian, sesi *indoor* game pada sebelah petang. Peserta berasa seronok dan berjaya bermain semua permainan dengan baik.

Akhir kata, program ini telah berjaya dijalankan dengan sangat lancar walaupun terdapat banyak kekurangan dan kelemahan dalam program kali ini. Kami berharap agar objektif kami untuk merapatkan hubungan sesama sekretariat dan Ahli Jawatankuasa High Achievers' Club tercapai.





# PERTANDINGAN DEBAT PIALA ORATOR 2024










PIHAK KELAB DEBAT DAN PIDATO TELAH MENGHANTAR SATU KUMPULAN BAGI MEWAKILI UiTM CAWANGAN KELANTAN KE PERTANDINGAN DEBAT PIALA ORATOR 2024 ANJURAN KOLEJ KEDIAMAN TUN FUAD, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH YANG DIADAKAN PADA 18 APRIL 2024 SEHINGGA 21 APRIL 2024. PIHAK KAMI TELAH BERJAYA MENDAPATKAN KEPUTUSAN 10 TERBAIK SERTA DUA DARI EMPAT PENDEBAT TELAH BERJAYA MENDAPATKAN GELARAN PENDEBAT TERBAIK DI DALAM PERTANDINGAN TERSEBUT.







GAMBAR PROGRAM

BULETIN

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BELIA RUKUN NEGARA: BAHASA MERENTASI BUDAYA









**Program Belia Rukun Negara: Bahasa Merentasi Budaya merupakan anjuran Kelab Sekretariat Rukun Negara (SRN) yang bertujuan untuk memberi pendedahan tentang keunikan dan keistimewaan bahasa melayu kepada mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan. Di samping itu, program ini juga sewajarnya dapat memantapkan lagi penggunaan bahasa melayu yang tepat di samping mengetahui integrasi yang terdapat di Malaysia. Program ini juga dilaksanakan bagi mencapai objektif-objektif yang telah disenaraikan.**






UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# JELAJAH MATEMATIK: *AWESOMEMATH*








Pada 5 Jun 2024 bersamaan dengan hari Sabtu, *Member Of Bachelor In Science Mathematics* (MOBISM) telah mengadakan program Jelajah Matematik: *Awesomemath* yang bertempat di SK Pos Tohoi, Gua Musang, Kelantan. Program ini disertai oleh pelajar SK Pos Tohoi dari Darjah 1 hingga Darjah 6.

Program ini berlangsung pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 2.00 petang. Program ini diadakan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman mahasiswa tentang kehidupan, budaya, dan cabaran yang dihadapi oleh Orang Asli. Harapan dari program ini dapat meningkatkan tahap kepimpinan dalam kalangan mahasiswa untuk terus memberi manfaat kepada orang lain







BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# INTERNATIONAL TALK: PREPARING TO FLY








Program *International Talk: Preparing to Fly* merupakan satu alternatif anjuran Jawatakuasa Perwakilan Kolej Dato' Onn. *International Talk: Preparing to Fly* diadakan pada tarikh 16 Mei 2024 dan bertempat di HRD(A) dan Youtube live JPK DATO' ONN Program ini dianjurkan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa yang ingin menyambung pelajaran ke luar negara. Justeru, program ini dapat membantu mahasiswa yang berminat untuk mendapat perincian yang lebih teliti berkaitan proses yang terlibat.






Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KURSUS BAKAL PEGAWAI SIRI 1/2024

Kursus Bakal Pegawai ini merupakan anjuran Pusat Latihan Pertahanan Awam Wilayah Selatan (PULAPAS) dengan kerjasama Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) UiTM Cawangan Kelantan dengan jumlah penyertaan peserta seramai 9 orang Pegawai Kadet SISPA (PKS). Kursus ini wajib diambil bagi memenuhi syarat Pegawai Kadet SISPA (PKS) untuk ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dan Staf Muda Pertahanan Awam Malaysia.










Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# LATIHAN PEMANTAPAN KOMANDER DAN UJIAN KENAIKAN PANGKAT








Program ini telah dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Komander pada 28 Mei 2024 (Selasa) sehingga 29 Mei 2024 (Rabu) dan disertai oleh komander dari Kor Kesatria Negara, Kesatria Brassband dan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM). Program ini dianjurkan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan semua komander mengenai Organisasi Majlis Perwakilan Komander disamping membakar semangat setiap komander, menyemai jati diri yang lebih kukuh dalam jiwa setiap komander, memupuk semangat kerja berpasukan semasa merancang dan melaksakan program, dan akhir sekali meningkatkan minat mahasiswa untuk bergerak aktif dalam kegiatan kokurikulum.





Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# 'ONE TEAM, ONE DREAM WITH INDYBS'








SINOPSIS PROGRAM

'One Team, One Dream with Indybs' merupakan sebuah program bonding Persatuan Intellectual Dynamic Business Society (INDYBS) UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Ia diadakan bertujuan untuk mengenali antara satu sama lain bersama sekretariat baharu agar dapat bekerjasama dengan baik pada masa akan datang. Tema 'Wave Fest, Fun By The Seaside' menjadi pilihan untuk Program 'One Team,One Dream with Indybs' sesi 2023/2024 kali ini. Program ini juga akan berlangsung selama satu hari iaitu 4 Mei 2024 pada hari Sabtu bermula 8:00 pagi sehingga 6:00 petang yang melibatkan semua ahli INDYBS.







INTELLECTUAL DYNAMIC BUSINESS SOCIETY (INDYBS)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MOVIE NIGHT : A NIGHT TO REMINISCE












Program *MOVIE NIGHT: A NIGHT TO REMINISCE ACQUIRE* dianjurkan pada peringkat Persatuan Akademik Diploma Statistik (I-TECHQS) yang diadakan di AUD200 dan dihadiri seramai 209 orang termasuk AJK Pelaksana.

Program ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan keterlibatan mahasiswa dalam program yang dianjurkan oleh kelab dan persatuan. Selain itu, mengeratkan dan mengukuhkan silaturahim dalam kalangan pelajar KPPIM. Seterusnya, menggalakkan mahasiswa untuk mengenalpasti dan mempraktikkan nilai murni melalui filem yang ditonton. Akhir sekali, meningkatkan kemahiran ahli jawatankuasa dalam menguruskan sesuatu program.

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MAJLIS MANDI TAPAK








"MANDI TAPAK" ADALAH UPACARA TRADISIONAL DALAM SENI SILAT YANG BERTUJUAN UNTUK MEMBERSIHKAN DIRI DARIPADA UNSUR-UNSUR NEGATIF, MEMPERKUKUH IKATAN ANTARA AHLI KELAB, DAN MENINGKATKAN KEYAKINAN DIRI. UPACARA INI BIASANYA DILAKUKAN DI KAWASAN BERSIH BERHAMPIRAN SUMBER AIR, DENGAN AHLI KELAB MEMAKAI PAKAIAN SILAT DAN MENGGUNAKAN BAHAN-BAHAN SEPERTI BUNGA, LIMAU, SERTA AIR YANG TELAH DIBACAKAN DENGAN AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN. PROGRAM INI DIMULAKAN DENGAN BACAAN DOA DAN SELAWAT, DIIKUTI DENGAN PENYIRAMAN ATAU PENCEBURAN DIRI KE DALAM AIR TERSEBUT, SERTA PENGGUNAAN BAHAN SEPERTI BUNGA DAN LIMAU SEBAGAI SIMBOLIK PENGHAPUSAN UNSUR NEGATIF. UPACARA DIAKHIRI DENGAN DOA KESYUKURAN, MEMPERERAT UKHUWAH DAN DISIPLIN DALAM KALANGAN AHLI, SERTA MEMAJUKAN SENI SILAT ITU SENDIRI.





BULETIN

PERSATUAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA (PSSGM)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SCHOOL ATTACK: STRIVING ACADEMIC SUCCESS WITH FACULTY OF ACCOUNTANCY









Program *School Attack: Striving Academic Success with Faculty of Accountancy* ini merupakan satu program perkongsian ilmu anjuran Fakulti Perakaunan dengan kerjasama Members of Bachelor in Accountancy Society (MemBACCs), Sekolah Menengah Kebangsaan Hamzah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Jajahan Machang. Program ini diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Hamzah pada 23 Mei 2024. Program ini dianjurkan bagi mewujudkan platform berkongsi ilmu dan pengalaman di antara Fakulti Perakaunan dengan para pelajar di SMK Hamzah. Selain itu, program ini melibatkan 3 orang pensyarah dan 19 orang ahli jawatankuasa MemBACCs dan disertai 66 orang pelajar. Seterusnya, program ini dimulakan dengan sesi *ice breaking* daripada ahli jawatankuasa MemBACCs dan diteruskan dengan sesi pengenalan Fakulti Perakaunan oleh Dr. Nik Zam Nik Wan. Ceramah Perlindungan dan Pencegahan Salah Laku Remaja Masa Kini pula disampaikan oleh Encik Muhammad Zuliandi Ilias. Kemudian, sesi Perasmian Majlis Penutup dimulakan dengan ucapan aluan daripada Ketua Pusat Pengajian iaitu Dr. Nik Zam Nik Wan dan ucapan perasmian daripada Pengetua SMK Hamzah iaitu Pn. Hajah Norma Hassan. Seterusnya, gimik perasmian, penyampaian cenderamata dan penyampaian hadiah kepada pelajar. Akhir sekali, program ini telah berjalan lancar dan mendapat sambutan baik dikalangan pelajar SMK Hamzah.








MEMBERS OF BACHELOR IN ACCOUNTANCY SOCIETY

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# HARI BERSAMA STAF RESIDEN KOLEJ








**PADA 22 MAC 2023, JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN MENGADAKAN PROGRAM HARI BERSAMA STAF RESIDEN KOLEJ. Program ini merupakan program wajib anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej yang diadakan pada minggu awal semester. Program ini diadakan bertujuan untuk memperkenalkan barisan Staf Residen Kolej dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej kepada para penghuni kolej di UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang. Program ini juga diadakan bagi menerangkan tentang peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh penghuni kolej semasa berada di kolej dan memberi pendedahan tentang SOP baharu sesuai dengan keadaan semasa pada masa kini.**





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ABSEILING ADVENTURE WITH SISPA








SINOPSIS PROGRAM

PADA 8 JUN 2024 YANG LALU,KOR SISPA TELAH MENGADAKAN PROGRAM ABSEILING ADVENTURE WITH SISPA YANG MELIBATKAN SERAMAI 16 AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA PROGRAM, 30 PEGAWAI KADET SISPA DAN 30 MAHASISWA DARI UITM CAWANGAN KELANTAN





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

AKADEMIK/ILMIAH

# UPLIFT THE COMMUNITY LEARNING BASIC PROGRAMMING WITH SCRATCH








Programming Design (rekabentuk pengaturcaraan) merupakan salah satu silibus dalam RBT tahun 4. Menyedari akan keadaan ini, Society of Information System Management (SISMA) mengambil satu inisiatif dalam menganjurkan Program Uplift the Community: Learning Basic Programming Design with Scratch untuk pelajar sekolah rendah. Program ini akan diadakan kepada 31 orang pelajar Tahun 4 dari SK Bukit Tiu untuk mempelajari asas pengaturcaraan dan asas rekabentuk pengaturcaraan.






BULETIN

NAMA KELAB/PERSATUAN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KLINIK AL-FATIHAH (KAF)









**SINOPSIS PROGRAM**

Klinik Al-Fatihah: Tahsin Kehidupan ini merupakan program yang telah dianjurkan oleh High Achievers' Club (HAC) UiTM Cawangan Kelantan bersama Intellectual Members of Muslim Nation (IMAN) UiTM Cawangan Kelantan. Objektif program adalah memberi penerangan secara menyeluruh tentang Surah Al-Fatihah supaya para peserta cakna akan kepentingan bacaan Al-Fatihah yang bertajwid dan betul.

Program ini telah berjalan dengan lancar meskipun penglibat peserta ialah 26 orang sahaja,

Program ini dimulai dengan iringan Asmaul Husna dan Selawat Tafrijiyyah. Sesi bersama penceramah didahului sebelum slot aktiviti dalam kumpulan berlangsung. Penerangan mengenai surah Al-Fatihah dijelaskan dengan lebih terperinci serta dipraktikkan bersama-sama dengan penceramah.

Akhir sekali, para peserta diberikan puding manga dan air percuma sebelum mereka bersurai. Program ini juga berjaya mencapai objektif yang ditetapkan.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BUSINESS TALK "BIG BUSINESS, STARTS SMALL"




POSTER PROGRAM

Pada 19 Mei 2024 (Ahad), Kelab Associaton of Welfare, Social, Motivation and Education (AWESOME) telah mengadakan program Business Talk "Big Business, Starts Small". Objektif program ini dijalankan adalah untuk mendedahkan kepada para mahasiswa tentang ilmu perniagaan serta menggalakkan para mahasiswa untuk menceburi bidang perniagaan.



GAMBAR VVIP



GAMBAR AJK



GAMBAR PERASMI



GAMBAR PROGRAM

ASSOSIATION OF WELFARE, SOCIAL, MOTIVATION AND EDUCATION (AWESOME)

BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# "HEAL YOUR MIND: DRAW POSITIVE THOUGHT WITH BATIK CRAFTS"

PADA 23 MEI 2024(KHAMIS), KELAB ASSSOCIATION OF WELFARE, SOCIAL, MOTIVATION AND EDUCATION TELAH MELAKSANAKAN PROGRAM "Heal Your Mind: Draw Positive Thought With Batik Crafts" DIMANA memberikan pendedahan kepada para graduan universiti tentang seni warisan budaya peninggalan nenek moyang yang tenggelam dek zaman. Dengan mengadakan program ini, ianya sedikit sebanyak dapat meningkatkan pengetahuan pelajar atau masyarakat tentang seni warisan iaitu mencanting batik, dan dapat menyamai minat pelajar dan masyarakat terhadap seni dan budaya. Dalam pada masa yang sama, ianya boleh dikaitkan dengan KPI 039 dimana ianya tentang emosi dan kesejahteraan pelajar. Hal ini adalah kerana, pelajar dapat menyatakan perasaan melalui mencanting batik.











Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# INTERNATIONAL BUSINESS TALK








Pada 12 Jun 2024, Rabu, Office Management Students' Association (OMSA) sesi 23/24 telah mengadakan satu majlis iaitu International Business Talk. Majlis yang dianjurkan bertujuan untuk Mendorong mahasiswa untuk menyelidik dan menganalisis isu-isu perniagaan antarabangsa secara kritis, serta menghasilkan pandangan yang berasaskan bukti dan penyelesaian yang inovatif.. Selain itu, adalah untuk Meningkatkan kesedaran mahasiswa mengenai peluang dan cabaran dalam perniagaan antarabangsa, serta memberi mereka perspektif yang lebih luas mengenai dunia perniagaan global.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# HAC *SILVER SCREEN*








**SINOPSIS PROGRAM**

HAC *Silver Screen* merupakan program yang telah dianjurkan oleh High Achievers' Club ( HAC ) UiTM Cawangan Kelantan. Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi ruang kepada mahasiswa untuk menenangkan fikiran sebelum menghadapi minggu peperiksaan dan untuk menjana sumber pendapatan High Achievers' Club (HAC).

Program ini juga telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 132 orang peserta yang telah mendaftar. Program berlangsung dari pukul 8:00 malam hingga 10:30 malam.

Aktiviti dimulai dengan pendaftaran peserta dan juga pengagihan makanan iaitu *popcorn* dan air kotak. Sejurus itu, sesi tayangan filem berlangsung sehingga 10:20 malam. Kemudian, sesi bergambar dan pembahagian kupon dilakukan jam 10:30 malam.

Akhir kata, program ini telah berjaya dijalankan dengan sangat lancar walaupun terdapat banyak kekurangan dan kelemahan. Kami berharap agar objektif kami untuk memberi peluang kepada mahasiswa untuk menenangkan fikiran sebelum menghadapi minggu peperiksaan tercapai.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ENTREPRENEURSHIP TALK : FROM ZERO TO HERO








Pada 23 Jun 2024 (Ahad), Jawantankuasa Perwakilan Kolej Tunku Abdul Rahman dengan dengan kerjasama Kelab Keusahawanan Kerjaya (3K) dan *Association of Welfare, Social, Motivation and Education* (AWESOME) telah mengadakan program *Entrepeurnership Talk*: *From Zero To Hero.* Program ini diadakan di Pusat Islam, UiTM Cawangan Kelantan.
Program ini berjalan dengan baik dengan kerjasama dan dorongan yang diberikan oleh para ahli jawatankuasa dan penasihat yang terlibat.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KNOWS YOUR ENEMIES








**program ini merupakan program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tunku Abdul Rahman dengan kerjasama *Kelab Association of welfare, Social, Motivation and Education (AWESOME)* yang bertujuan untuk memberi pendedahan serta kesedaran dan menghayati pengalaman sebenar kehidupan banduan di dalam penjara tersebut kepada para mahasiswa.**





BULETIN

**JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN DENGAN KERJASAMA KELAB *ASSOCIATION OF WELFARE, SOCIAL, MOTIVATION AND EDUCATION (AWESOME)***

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PERTANDINGAN AERODANCE ANTARA FAKULTI (FAERO)








**SINOPSIS PROGRAM**

**Pertandingan Aerodance Antara Fakulti merupakan satu program pertandingan senaman yang melibatkan semua wakil fakulti masing-masing. Program ini diadakan bertujuan memberikan kesedaran kepada mahasiswa untuk melakukan aktiviti secara berkumpulan, sekaligus melahirkan mahasiswa yang aktif dan cergas dalam mengamalkan gaya hidup sihat.**





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FAMILIA RAYA OMAC 2.0








Program ini dijalankan bagi mengadakan Hari Bersama Ahli (HBA) kelab OMaC sekali gus menyambut hari raya adilfitri. Familia raya OMaC 2.0 diadakan kerana Familia raya OMaC pada sesi 22/23 telah berjaya dijalankan dan mendapat sambutan diantara pelajar OM sendiri. Program ini dijalankan bagi merapatkan hubungan antara pelajar OM dan pensyarah OM. Disebabkan mendapat sambutan, program raya ini turut dibuka kepada pelajar bukan OM juga.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROFESSIONAL PERSONA:POLISHING YOUR IMAGE








Program Professional Persona: Polishing Your Image ini diadakan bagi mendedahkan kepada pelajar tentang cara pemakaian bagi menghadiri temuduga, warna baju yang sesuai pada kulit muka dan cara-cara untuk merapikan diri agar mempunyai identiti diri. Program ini menjemput Puan Norsilawati binti Mohd Hassan sebagai penceramah dan menerangkan tentang cara keterampilan diri. Ini juga dapat mendedahkan kepada pelajar.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# DEWAN EKSEKUTIF MAHASISWA (DEMA)








Dewan Eksekutif Mahasiswa merupakan sebuah program yang menghimpunkan kesemua pemimpin mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan untuk membincangkan isu semasa dan hangat di universiti dan juga merupakan sebuah inisiatif Majlis Perwakilan Pelajar untuk mengadakan hubungan yang rapat dengan semua presiden kelab/persatuan di UiTMCK ini.

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# GENG SUBUH MACAM JUMAAT & QIAMULLAIL








Kempen Geng Subuh Macam Jumaat merupakan salah satu inisiatif Majlis Perwakilan Pelajar yang bertujuan untuk menggalakkan mahasiswa menunaikan solat Subuh secara berjemaah, sama seperti jemaah yang dilihat semasa solat Jumaat. Kempen ini menggalakkan kepentingan solat subuh, memupuk semangat kemasyarakatan dan disiplin rohani dalam kalangan pelajar dan Majlis Perasmian kempen ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UiTM.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PARLIMEN MAHASISWA









Parlimen Mahasiswa ini merupakan sebuah platform yang direka bentuk untuk mensimulasikan sistem parlimen dengan memberikan peluang kepada pemimpin mahasiswa untuk terlibat dalam perbahasan, perbincangan dan proses membuat keputusan yang serupa dengan parlimen sebenar. Inisiatif ini bertujuan untuk membangunkan kemahiran kepimpinan, pemikiran kritis, dan pemahaman yang lebih mendalam tentang proses demokrasi di kalangan mahasiswa.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# JOM BALIK KAMPUS









Inisiatif Jom Balik Kampus ini merupakan sebuah inisiatif untuk memudahkan pergerakan mahasiswa untuk kembali ke kampus mereka selepas cuti semester. Inisiatif ini dilaksanakan dengan menyediakan pengangkutan bas yang mempunyai harga tiket mampu milik dengan memastikan pemulangan yang lancar dan selamat untuk pelajar.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MINI UPTOWN














Mini Uptown Student Centre UiTM Cawangan Kelantan ini merupakan program yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar. Program ini merupakan inisiatif keushawanan dan kebajikan kepada semua pelajar UiTM Cawangan Kelantan untuk membeli makanan sementara semua menghadapi masalah ketiadaan tender makanan di UiTM Cawangan Kelantan sendiri.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# GEROBOK REZEKI















Gerobok Rezeki merupakan sebuah inisiatif yang bertujuan untuk menyediakan keperluan makanan kepada mereka yang memerlukan. Gerobok Rezeki ini membolehkan individu mengambil apa yang mereka perlukan dan, jika boleh, meninggalkan barangan untuk orang lain. Program ini bertujuan untuk mewujudkan sistem pembekalan makanan yang endless bagi mereka yang menghadapi masalah kekurangan makanan.

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# UiTM MERCH




UiTM MERCH merupakan inisiatif keusahawanan Majlis Perwakilan Pelajar dengan kerjasama MB Clothing yang bertujuan mempromosikan baju jersey yang bercirikan identiti dan semangat UiTM. Melalui inisiatif ini, pelajar dapat mempelajari kemahiran penting seperti pengurusan perniagaan, pemasaran digital, dan strategi penjenamaan yang berguna untuk masa depan mereka.







BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# WEEKLY CHESS C'STA 2024









Weekly Chess C'STA 2024 merupakan program latihan catur mingguan untuk ahli kelab C'STA dan mahasiswa UiTMCK. Program ini berlangsung dari 19 April hingga 21 Jun 2024 (setiap Jumaat) yang berlangsung di aplikasi "lichess" dan Kompleks Sukan DO. Program ini dapat memberi pendedahan dan pengalaman kepada para pemain kerana mereka dapat bermain bersama pemain catur yang handal dan mereka mampu belajar dan menaikkan kualiti permainan mereka. Selain itu, Weekly Chess C'STA 2024 merupakan medan latihan untuk mencari bakat baru bagi mewakil atlet catur UiTM Cawangan Kelantan ke KARiSMA 2025 atau kejohanan-kejohanan luar.






BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KARNIVAL E-SPORT








**21-22 JUN 2024, BLOK D**
**UiTM CAWANGAN KELANTAN, KARNIVAL E-SPORT TELAH BERLANGSUNG SEMPENA SUKAN ANTARA FAKULTI 2024. SETIAP FAKULTI TELAH MENGHANTAR WAKIL UNTUK BERTANDING BAGI ACARA E-SUKAN INI. TERDAPAT TIGA ACARA E-SUKAN YANG DIPERTANDINGKAN ANTARANYA IALAH PUBGM, E-FOOTBALL DAN MLBB. PROGRAM INI TELAH MENDAPAT SAMBUTAN YANG MERIAH DARIPADA WARGA UiTM CAWAGAN KELANTAN.**






BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

AKADEMIK/ILMIAH

# UPLIFT THE COMMUNITY LEARNING BASIC PROGRAMMING WITH SCRATCH








Programming Design (rekabentuk pengaturcaraan) merupakan salah satu silibus dalam RBT tahun 4. Menyedari akan keadaan ini, Society of Information System Management (SISMA) mengambil satu inisiatif dalam menganjurkan Program Uplift the Community: Learning Basic Programming Design with Scratch untuk pelajar sekolah rendah. Program ini akan diadakan kepada 31 orang pelajar Tahun 4 dari SK Bukit Tiu untuk mempelajari asas pengaturcaraan dan asas rekabentuk pengaturcaraan.






BULETIN

NAMA KELAB/PERSATUAN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ALL YOU NEED TO KNOW ABOUT BASIC ALGORITHM








Program All You Need  Know About Basic Algorithm ini dianjurkan oleh Society of Information System Management (SISMA) dengan Kerjasama SM Sains Pasir Puteh. Program ini melibatkan 27 orang murid Tingkatan Empat SM Sains Pasir Puteh, 2 orang guru dan 12 orang fasilitator dari kelab SISMA. Program yang dianjurkan pada 8 Jun 2024 (Sabtu) ini merupakan program asas dalam pengaturcaraan algorithm dan telah dibahagikan kepada dua sesi. Program ini membantu membina kreativiti, kolaborasi, kemahiran menyelesaikan masalah dan “computational thinking” para pelajar.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# INTERNATIONAL BUSINESS TALK: GROWTH MINDSET EXPLORE SUCCESS








Program International Business Talk: Growth Mindset Explore Success ini dianjurkan oleh Society of Information System Management (SISMA) dengan Kerjasama Office Management Student's Association dan Numi Skincare. Program ini melibatkan 320 orang peserta termasuk AJK terlibat. Program yang dianjurkan pada 12 Jun 2024 (Rabu) ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang cara menerokai alam perniagaan sehingga peringkat antarabnagsa. Program ini membantu meluaskan perspektif mahasiswa tentang isu global dan subjek akademik.





BULETIN

SOCIETY OF INFORMATION SYSTEM MANAGEMENT (SISMA)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MINI JUNIOR INNOVATION CHALLENGE








Program “MINI JUNIOR INNOVATION CHALLENGE” merupakan satu inisiatif yang bertujuan menggalakkan kreativiti dan kecekapan teknikal dalam kalangan generasi muda. Dengan tumpuan utama pada robotik menggunakan kit Arduino, program ini mencabar peserta untuk membangunkan projek inovatif, mengukuhkan kemahiran menyelesaikan masalah dan kerja berpasukan. Pertandingan ini diadakan sebagai acara kemuncak selepas pelajar dari tiga sekolah di Pasir Puteh yang telah didedahkan kepada modul robotik menggunakan kit Arduino, bermula dari bulan Mac 2023 sehingga November 2023 yang lepas.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MOBILE LEGENDS E-SPORT TOURNAMENT








Dalam era digital yang pesat berkembang, permainan dalam talian telah menjadi sebahagian penting dalam budaya dan hiburan masyarakat, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Mobile Legends: Bang Bang (MLBB) merupakan salah satu permainan dalam talian yang paling popular pada masa kini atau lebih dikenali sebagai e-sukan (e-sport), dengan jutaan pemain aktif di seluruh dunia. Fenomena ini tidak hanya mencipta peluang untuk hiburan, tetapi juga membuka ruang untuk membina komuniti yang kukuh di sekitar permainan ini. Di persekitaran universiti, di mana generasi muda berkumpul untuk belajar dan berinteraksi, semangat kompetisi dan kerjasama sering menjadi ciri budaya kampus. Oleh itu, mengadakan pertandingan MLBB secara dalam talian di kalangan pelajar universiti adalah salah satu cara yang berkesan untuk membina sifat setia kawan, mengukuhkan hubungan antara mahasiswa, dan mengembangkan kemahiran strategik, analitikal dan berfikiran kritis dan kreatif. Dengan komitmen yang teguh untuk membina komuniti yang dinamik dan bertenaga di universiti, turnamen MLBB ini diharapkan dapat menarik banyak penglibatan dari semua mahasiswa di UiTM Cawangan Kelantan untuk turut sama membudayakan e-sukan





BULETIN

PERSTUAN INFORMATION TECHNOLOGY COMMUNITY (ITCOMM)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PODCAST: BOOK TALK WITH YOUNG LEADERS








## SINOPSIS PROGRAM

SINIAR ATAU LEBIH DIKENALI SEBAGAI PODCAST DALAM BAHASA INGGERIS MERUPAKAN SEJENIS MEDIA BERBENTUK DIGITAL DAN DISIARKAN MELALUI PLATFORM ONLINE YANG BOLEH DIDAPATI DALAM BEBERAPA SIRI BEREPISOD. SEBAGAI SEORANG MAHASISWA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI, KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI SERTA BERANI UNTUK MENGEMUKAKAN IDEA DAN PENDAPAT SENDIRI AMATLAH PENTING UNTUK MELATIH PARA MAHASISWA UNTUK BERKOMUNIKASI SECARA MATANG DAN BEKERJA SECARA BERKUMPULAN. HAL INI DAPAT MELAHIRKAN SEORANG INSAN YANG BERKUALITI, DAYA FIKIR YANG KREATIF, BERPENGETAHUAN SERTA MEMPUNYAI KEYAKINAN DIRI. BEKERJA DALAM KUMPULAN TIDAK ASING LAGI PADA MASA KINI KERANA IA TELAH DITERAPKAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEJAK SEKOLAH RENDAH LAGI MELALUI PEMBELAJARAN ABAD KE-21. UNTUK MEMBENTUK SEBUAH KUMPULAN YANG BERGERAK AKTIF, SETIAP AHLINYA HARUSLAH MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DAN SALING BERTUKAR PANDANGAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN AKHIR YANG PALING TERBAIK. SETIAP PELAJAR PASTI MEMPUNYAI PANDANGAN DAN PENDAPAT YANG BERBEZA. BAHKAN, PENDAPAT DAN PANDANGAN SESEORANG DAPAT MENCERMINKAN NILAI-NILAI MURNI YANG TERDAPAT DALAM DIRI SESEORANG. SETIAP ORANG BEBAS UNTUK BERSUARA MAKA TIADA YANG SALAH MAHUPUN BETUL TENTANG PANDANGAN SESEORANG KENA SETIAP ORANG MEMPUNYAI PERSPEKTIF YANG BERBEZA MENGIKUT PERSEKITARANNYA.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KARNIVAL E-SPORT








**21-22 JUN 2024, BLOK D**
**UiTM CAWANGAN KELANTAN, KARNIVAL E-SPORT TELAH BERLANGSUNG SEMPENA SUKAN ANTARA FAKULTI 2024. SETIAP FAKULTI TELAH MENGHANTAR WAKIL UNTUK BERTANDING BAGI ACARA E-SUKAN INI. TERDAPAT TIGA ACARA E-SUKAN YANG DIPERTANDINGKAN ANTARANYA IALAH PUBGM, E-FOOTBALL DAN MLBB. PROGRAM INI TELAH MENDAPAT SAMBUTAN YANG MERIAH DARIPADA WARGA UiTM CAWAGAN KELANTAN.**






BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BENGKEL PEMANTAPAN ORGANISASI JAWATANKUASA SUKAN PELAJAR UiTM CAWANGAN KELANTAN









18-19 APRIL 2024, GOOGLE MEET & KOMPLEKS DATO' ONN UiTM CAWANGAN KELANTAN, SEMUA AHLI JAWATANKUASA SUKAN PELAJAR UiTM CAWANGAN KELANTAN BERSAMA-SAMA MENGHADIRKAN DIRI KE BENGKEL PEMANTAPAN TERSEBUT UNTUK MENGERATKAN SILATURAHIM ANTARA KAMPUS MACHANG DAN KAMPUS KOTA BHARU. PERANAN UTAMA ADALAH UNTUK MEMBERITAHU SKOP KERJA SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA SUKAN PELAJAR DAN PERANCANGAN AKTIVIT KERTAS KERJA BAGI KEDUA-DUA KAMPUS. PROGRAM INI MERAIH KERJASAMA ANTARA SATU SAMA LAIN DARIPADA KAMPUS MACHANG DAN KAMPUS KOTA BHARU.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MPL MY VISIT








**4 MEI 2024, STADIUM MBSJ**

SERDANG JAYA, MLBB PROFESSIONAL LEAGUE MALAYSIA VISIT TELAH BERLANGSUNG SEMPENA PERLAWANAN SUKU AKHIR PEMAIN MLBB PERINGKAT KEBANGSAAN. PARA PESERTA BERSUNGGUH-SUNGGUH MENYOKONG PASUKAN YANG DIMINATI MEREKA. SUASANA DI TEMPAT KEJADIAN BEGITU MERIAH DENGAN SORAKAN PEMINAT-PEMINAT SETIAP PASUKAN DAN PARA PEMAIN YANG BERTANDING DENGAN SENGIT SESAMA MEREKA. PROGRAM INI TELAH MERAIH SAMBUTAN YANG HANGAT DARIPADA PESERTA UiTM CAWANGAN KELANTAN.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PENCARIAN SEKRETARIAT JAWATANKUASA SUKAN PELAJAR SESI 2023/2024 UiTM CAWANGAN KELANTAN








15 APRIL 2024, GOOGLE MEET

UiTM CAWANGAN KELANTAN, PENCARIAN SEKRETARIAT JAWATANKUASA SUKAN PELAJAR UiTM CAWANGAN KELANTAN KAMPUS MACHANG BAGI SESI 23/24 TELAH BERJALAN DENGAN LANCAR. CALON-CALON SEKRETARIAT JUGA MEMBERI KERJASAMA DALAM MENJALANKAN WAWANCARA YANG DIKEMUKAN. HAL INI DEMIKIAN DAPAT MENGGERAKKAN ATURCARA MENGIKUT DALAM PERANCANGAN. OLEH ITU, PROGRAM INI MEMBENTUK SITUASI YANG BAIK DALAM MELAKUKAN SESUATU PERKARA DALAM KEADAAN YANG BAIK.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# EMPOWERTEAM LEADERSHIP WORKSHOP : UNITING TEAM, EMPOWERING LEADERS




Program Empowerteam Leadership Workshop: Uniting Team, Empowering Leaders ini telah dianjurkan oleh Society of Information System Management (SISMA). Program ini melibatkan 24 orang ahli Jawatankuasa SISMA termasuklah 2 orang penasihat persatuan ini. Program yang dianjurkan pada 17 Mei 2024 (Jumaat) ini merupakan program kepimpinan untuk ahli-ahli SISMA dan program ini telah dibahagikan kepada dua sesi. Program ini juga memperlihatkan tentang tatacara penghasilan kertas kerja yang baik dan program ini telah melahirkan pemimpin-pemimpin yang dapat sentiasa bekerjasama.









BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# *DIGITAL MARKETING PROGRAMME IN* TUMPAT KELANTAN














**SINOPSIS PROGRAM**

Program ini memberi perkongsian ilmu kepada para pengusaha bagi menghasilkan dan menggunakan platform pemasaran digital bagi memperkenalkan perniagaan mereka kepada masyarakat serta mempertingkatkan keupayaan perniagaan mereka agar mampu berhadapan dengan cabaran dalam dunia keusahawanan yang seiring dengan perkembangan teknologi terkini.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROFESSIONAL PERSONA:POLISHING YOUR IMAGE








Program Professional Persona: Polishing Your Image ini diadakan bagi mendedahkan kepada pelajar tentang cara pemakaian bagi menghadiri temuduga, warna baju yang sesuai pada kulir muka dan cara-cara untuk merapikan diri agar mempunyai identiti diri. Program ini menjemput Puan Norsilawati binti Mohd Hassan sebagai penceramah dan menerangkan tentang cara keterampilan diri. Ini juga dapat mendedahkan kepada pelajar.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FORUM : WANITA DAN PERTAHANAN DIRI










FORUM: WANITA DAN PERTAHANAN DIRI DIADAKAN PADA 15 JUN 2024 DI PLATFORM YOUTUBE LIVE DAN STREAMYARD. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MENARIK PESERTA TENTANG KEPENTINGAN SENI BELA DIRI TERUTAMANYA DALAM KALANGAN WANITA. PANEL PROGRAM INI TELAH BERKONGSI SEDIKIT SEBANYAK TENTANG PENGALAMAN DAN KEPENTINGAN JIKA SESEORANG INDIVIDU MEMPELAJARI SENI BELA DIRI TERUTAMANYA SILAT CEKAK SEKALIGUS DAPAT MEMPERINGATKAN PARA PESERTA TENTANG SENI BELA DIRI WARISAN MELAYU INI.







BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

KEROHANIAN

# BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT













**SINOPSIS PROGRAM**

**PProgram "Bacaan Yasin Dan Doa Selamat" merupakan program kerohanian bertujuan untuk mengajak para mahasiswa untuk menyambut semester baharu yang akan berjalan sehari selepass program ini. Program ini terbuka kepada semua mahasiswa UiTM cawangan Kelantan. Jumlah penyertaan dianggarkan 100 kebawah dan program ini akan dijalankan secara atas talian di platform Google Meet. Tiada tajaan dan jumlah pendapatan, pengiktirafan dan penghargaan di peringkat Universiti dan laporan media sendiri.**

BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# 30 MINUTES WITH US







Program "30 Minutes with Us" dijalankan sepanjang semester bagi mahasiswa ITCOMM yang ingin terlibat dalam pembacaan Al-Quran. Surah yang akan dibaca adalah berdasarkan pilihan dari pembaca sendiri. Pembaca juga akan berkongsi sedikit tazkirah mengenai surah yang telah dibaca.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# UPTOWN 2024








Uptown UiTM Cawangan Kelantan ini merupakan program yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar dan merupakan program kesinambungan Foodtown bagi sesi yang lepas. Uptown UiTM Cawangan Kelantan diinspirasikan oleh Uptown Kota Damansara iaitu pasar malam yang tersohor di Malaysia. Program ini bertujuan untuk membuka peluang kepada usahawan dalam kalangan pelajar untuk mengasah bakat keusahawanan mereka dan membuka peluang kepada peniaga luar untuk membuka perniagaan di dalam Kampus.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FOODBANK













Inisiatif Foodbank merupakan sebuah program berstruktur yang diwujudkan untuk mengurangkan beban mahasiswa yang memerlukan sumber makanan dalam kalangan mahasiswa dan keluarga berpendapatan rendah. Foodbank ini berfungsi dengan mengumpul lebihan makanan daripada pelbagai sumber, termasuk pasar raya, pengilang dan sumbangan masyarakat, dan mengagihkannya semula kepada mereka yang memerlukan. Program ini bertujuan mengurangkan pembaziran makanan di samping memastikan tiada sesiapa yang kelaparan.






Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# IFTAR JAMA'IE








Inisiatif Iftar Jamaie merupakan sebuah inisiatif Majlis Perwakilan Pelajar untuk menghimpunkan pelajar untuk berbuka puasa sepanjang bulan Ramadan dengan memberi mereka makanan berbuka percuma untuk mahasiswa yang berada di kampus. Inisiatif ini memupuk semangat kemasyarakatan, perpaduan, dan sokongan bersama di kalangan pelajar.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# QIAMULLAIL BERKALA








Program Qiamullail Berkala yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Kelantan dengan kerjasama pelbagai jawatankuasa perwakilan kolej dan kelab telah diadakan di Pusat Islam dan setiap surau kolej. Program ini bertujuan untuk memupuk semangat keagamaan dan memperkukuhkan amalan ibadah dalam kalangan pelajar dan staf. Selain itu, program ini juga memupuk semangat ukhuwah dan kebersamaan antara mahasiswa, serta memberikan pendedahan dan pendidikan agama yang praktikal. Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektif yang ditetapkan dan berjaya memupuk semangat keagamaan serta kerohanian dalam kalangan warga UiTM Cawangan Kelantan.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# DEWAN EKSEKUTIF MAHASISWA (DEMA)




Dewan Eksekutif Mahasiswa merupakan sebuah program yang menghimpunkan kesemua pemimpin mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan untuk membincangkan isu semasa dan hangat di universiti dan juga merupakan sebuah inisiatif Majlis Perwakilan Pelajar untuk mengadakan hubungan yang rapat dengan semua presiden kelab/persatuan di UiTMCK ini.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BUBBLES RUN : FUN RUN AND ZUMBA









Pada 18 Mei 2024 (Sabtu), Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tunku Abdul Rahman 23/24 dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Abdul Razak 23/24 telah mengadakan program yang bernama BUBBLES RUN : FUN RUN AND ZUMBA. Program ini dianjurkan bagi memupuk budaya bersukan dan beriadah dalam kalangan mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan serta melahirkan mahasiswa yang aktif bukan sahaja daripada aspek akademik namun juga dari aspek kokurikulum. Selain itu program ini juga banyak memberi impak kepada mahasiswa yang menyertai, antaranya dari segi kesihatan dan mental ia mampu meningkatkan tahan kecergasan fizikal, mengurangkan risiko penyakit kronik dan menggalakkan gaya hidup sihat. Seterusnya dari segi kemahiran sosial ia memberi peluang kepada mahasiswa untuk berinteraksi dan berkenalan sekaligus memperluaskan jaringan sosial mereka. Akhir sekali dari segi prestasi akademik, dengan menyertai aktiviti luar seperti larian, mahasiswa dapat mencari keseimbangan antara akademik dan kokurikulum, yang boleh meningkatkan prestasi akademik secara keseluruhan melalui pengurusan masa yang lebih baik





BULETIN

**JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN ABDUL RAZAK &**
**JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN**

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

AKADEMIK/ILMIAH

# LATIHAN MINGGUAN MAC-OGOS 2024








Kelab Debat dan Pidato UiTM Cawangan Kelantan telah mengadakan program Latihan Mingguan Debat dan Pidato yang diadakan secara atas talian melalui platform Google Meet dan Microsoft Teams. Program ini telah diadakan pada hari Khamis dan Jumaat. Sepanjang program ini, Debat Persahabatan juga menjadi salah satu sesi yang diadakan ketika latihan mingguan ini bersama Kolej Matrikulasi Perak dan lain-lain.

Objektif utama program ini dijalankan adalah bagi melahirkan mahasiswa yang berfikiran kritis mengenai usul-usul yang dibincangkan. Selain itu, dapat mengasah bakat mahasiswa dalam kemahiran berkomunikasi ketika membincangkan sesuatu isu. Akhir sekali, dapat menanam sifat berani untuk berucap di khalayak ramai dalam diri setiap mahasiswa.

Kesannya, program ini telah memberikan impak yang positif ke dalam diri setiap mahasiswa dalam aspek pemikiran secara kritis dan membantu mereka memahami bagaimana untuk mengucapkan pendapat dengan penuh keyakinan diri.





BULETIN

KELAB DEBAT DAN PIDATO (KDP)

# U'CLICB FOR ALL












**UITM CLICK CLUB (U'CLICB) MENGADAKAN PROGRAM PERKHIDMATAN FOTOGRAFI SEPANJANG SEMESTER SESI FEBRUARI - OGOS.**

**TERDAPAT PELBAGAI PERKHIDMATAN YANG TELAH DILAKSANAKAN SEPERTI PERKHIDMATAN MAJLIS GRADUASI TASKA KEMAS & PERKHIDMATAN RAKAMAN FOTO PRODUK KEMUNING.**

Universiti Teknologi MARA
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT










Program "Bacaan Yasin Dan Doa Selamat" merupakan program kerohanian bertujuan untuk mengajak para mahasiswa untuk menyambut semester baharu yang akan berjalan sehari selepass program ini. Program ini terbuka kepada semua mahasiswa UiTM cawangan Kelantan. Jumlah penyertaan dianggarkan 100 kebawah dan program ini akan dijalankan secaraatas talian di platform GoogleMeet. Tiada tajaandan jumlah pendapatan, pengiktirafan dan penghargaan di peringkat Universiti dan laporan media sendiri.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BUBBLES RUN : FUN RUN AND ZUMBA









Pada 18 Mei 2024 (Sabtu), Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tunku Abdul Rahman 23/24 dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Abdul Razak 23/24 telah mengadakan program yang bernama BUBBLES RUN : FUN RUN AND ZUMBA. Program ini dianjurkan bagi memupuk budaya bersukan dan beriadah dalam kalangan mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan serta melahirkan mahasiswa yang aktif bukan sahaja daripada aspek akademik namun juga dari aspek kokurikulum. Selain itu program ini juga banyak memberi impak kepada mahasiswa yang menyertai, antaranya dari segi kesihatan dan mental ia mampu meningkatkan tahan kecergasan fizikal, mengurangkan risiko penyakit kronik dan menggalakkan gaya hidup sihat. Seterusnya dari segi kemahiran sosial ia memberi peluang kepada mahasiswa untuk berinteraksi dan berkenalan sekaligus memperluaskan jaringan sosial mereka. Akhir sekali dari segi prestasi akademik, dengan menyertai aktiviti luar seperti larian, mahasiswa dapat mencari keseimbangan antara akademik dan kokurikulum, yang boleh meningkatkan prestasi akademik secara keseluruhan melalui pengurusan masa yang lebih baik





BULETIN

**JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN ABDUL RAZAK &
JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN**

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KEMPEN DERMA DARAH "HERO UiTM: PENYELAMAT 3 NYAWA"








Program ini adalah salah satu inisiatif dari pihak penganjur dalam meningkatkan kesedaran, tanggungjawab sosial dan solidariti kemasyarakatan di kalangan mahasiswa.






**JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN ABDUL RAZAK DENGAN KERJASAMA HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN DAN JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ DATO' ONN**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KULIAH MAGHRIB SIRI V




Program ini diadakan 5 kali setiap minggu iaitu pada hari Ahad, Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis. Pada setiap hari Ahad hingga Khamis, ceramah akan disampaikan oleh penceramah jemputan manakala pada setiap hari Khamis malam Jumaat akan diadakan bacaan Yassin secara berjemaah. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pengisian berilmiah kepada para pelajar sementara menunggu masuknya waktu Isyak.









BULETIN

JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN ABDUL RAZAK, JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN & *INTELLECTUAL MEMBERS OF MUSLIM NATION* (IMAN) UiTM KELANTAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# LAWATAN MUHIBAH 1.0









**SINOPSIS PROGRAM**

Program Lawatan Muhibah Kolej TR 1.0 yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Abdul Razak ini berlangsung selama satu semester dan merupakan program wajib Staf Residen Kolej dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej pada setiap semester. Program ini akan dijalankan pada setiap hari Rabu bermula jam 10:00 malam sehingga jam 11:00 malam. Jadual bertugas barisan Staf Residen Kolej dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej akan disediakan bagi memudahkan perjalanan program. Barisan Staf ResidenKolej yang terlibat seramai empat orang iaitu Encik Mohd Aizuddin Harun, Puan Ummu Aiman Saidi,Encik Norish Hasmi Awang dan Encik Ahmad Sirajulmunir Zulkipli dan seramai 16 orang Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Abdul Razak.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MALAM PATAH HATI









Program "Malam Patah Hati Bersama Najwa Latif" memerlukan beberapa penambahbaikan, khususnya dalam aspek teknikal, pengurusan acara, dan keselamatan. Isu-isu seperti masalah teknikal semasa raptai yang menyebabkan susunan lagu terganggu, serta kelemahan dalam pengurusan tiket yang membolehkan pelajar masuk ke kategori yang salah, telah dikenalpasti. Selain itu, tanda kategori tiket yang sukar dikenalpasti menyebabkan kekeliruan dalam susunan tempat duduk. Untuk penambahbaikan, langkah seperti penyelarasan raptai, penggunaan sistem kod bar untuk tiket, dan penandaan kerusi yang lebih jelas akan diambil. Pihak pengurusan juga akan merancang aktiviti yang lebih menarik untuk mengelakkan kebosanan peserta





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PENCARIAN SEKRETARIAT KOLEJ TR SESI 1 2023/2024








Program "Pencarian Sekretariat Kolej TR Siri 1 2023/2024" bertujuan untuk mencungkil dan mengasah bakat calon dalam bidang pengurusan maklumat, penyelenggaraan data, dan kemahiran komunikasi. Program ini juga dirancang untuk melatih calon menjadi lebih cekap dan bertanggungjawab, dengan fokus pada pewarisan legasi JPKTR. Melalui penyertaan dalam sekretariat, calon berpeluang mengambil peranan kepimpinan, belajar menguruskan organisasi, membuat keputusan, dan mengetuai program. Selain itu, program ini membantu calon meningkatkan kemahiran pengurusan masa dengan mengimbangi tanggungjawab akademik dan bukan akademik, memupuk keutamaan tugas, dan pengurusan masa yang efektif.






BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# RAMADAN SHARING SESSION WITH TR
















**SINOPSIS PROGRAM**

**Program "Ramadhan Sharing Session" merupakan program kerohanian yang bertujuan untuk perkongsian ilmu dan juga nasihat berkaitan bulan Ramadhan. Program ini akan diadakkan di peringkat antarabangsa iaitu dengan menjemput penceramah dari Universiti Al-Azhar, Mesir. Jumlah penyertaan dianggarkan 100 kebawah dan akan diadakkan secara atas talian di platform Youtube Jawatankuasa Kolej Tun Razak dan akan berkolaborasi bersama Keluarga Pelajar-Pelajar Perlis Mesir (KPP) sebagai penceramah. Tiada tajaan dan jumlah pendapatan, pengiktirafan dan penghargaan di peringkat Antarabangsa. Laporan media dari media sendiri.**

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# TR SHACKS








Program ini bertujuan melahirkan budaya keusahawanan dalam kalangan ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang. Selain itu, jualan di dalam kolej ini memberi peluang kepada ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej untuk berniaga dan berani berinteraksi dengan pelanggan. Seterusnya dengan adanya jualan di kolej ini dapat memudahkan penghuni membeli burger tanpa perlu berjalan ke luar kampus. Secara tidak langsung dapat mempertingkat lagi jumlah dana perwakilan ini.





BULETIN